Ketupat, lemag, kuah kacang, rendang semua itu menjadi menu masakan utama. Persahabatan yang terbina kami adun dalam penyediaan makanan itu secara gotong-royong.

Dahulu mungkin kita biasa dengan acara memantai ini di kalangan ahli keluarga. Namun sekarang, semakin lama semakin banyak penjual lemag di tepi lebuh raya yang menjadi petanda juadah ini kini bukan lagi menjadi aktiviti penghubung kasih antara adik beradik, sahabat handai mahupun warga desa dan kampung. Lebih menyedihkan, di kampung-kampung tradisional juga telah banyak yang sekadar membeli dan bukan memasaknya sendiri.

Koleksi foto ini ialah gambaran kemeriahan memantai sempena hari raya aidilfitri tahun ini. Melihatnya sahaja boleh buat hati kami menjadi rindu akan riuh rendah ini. Yang baru menjadi yatim sahaja pun sudah terlupa kesunyian hidup tiada berbapa kerana di sini, mereka punyai bapa-bapa dan ibu-ibu pengganti kasih dan meriahnya juga tidak kurang gamatnya.

Sedikit klip video ada kami muatkan di video takbir yang kami post kelmarin.

<https://www.facebook.com/wargaprihatin/videos/vb.176792972785/-10154040762442786/?type=2&theater>

<https://www.facebook.com/wargaprihatin/videos/vb.176792972785/->

[10154039710472786/?type=2&theater](https://www.facebook.com/10154039710472786/?type=2&theater)

Salam lebaran  
WARGA PRIHATIN

---

## **MENGGOKBAR SEMANGAT MELALUI TAKBIR RAYA**

### MENGGOKBAR SEMANGAT MELALUI TAKBIR RAYA

Tahun-tahun lepas, Ayahanda Pengetua RPWP hanya bawa nada rendah untuk takbir raya beliau. Tahun ini anak-anak sudah dilatih untuk takbir dan kebanyakan mereka bawa nada rendah yang biasa ayah bawa sebelum ini supaya lebih lunak, menyentuh hati, dan mudah dihayati.

Tahun ini Ayah seru dalam tausiah khas agar para murobbi dan anak-anak yang mampu cuba bawa nada tinggi. Oleh kerana ada tetamu luar yang ikut takbir, maka Ustaz Shauqi dan Ustaz Saiful diminta memberikan tausiah ringkas tentang takbir raya. Ayah pula tambah dengan rasional mengapa ayah minta bawa nada tinggi supaya tetamu tidak terkejut..

Sudah sampai masanya Warga Prihatin tinggikan nada suara sebagai menggambarkan isi hati dalam menyampaikan seruan melalui takbir raya. Ayah harapkan nada yang tinggi ini boleh diselarikan dengan penghayatannya. Dengan penjabaran maksud takbir yang jelas, alunan itu mampu membakar semangat seluruh warga yang mendengarnya.

Sementara itu, ayah minta semua warga sampaikan aura melalui



nada tinggi itu untuk membesarkan Allah, mengikhlaskan diri untuk agama Allah, dan benar-benar berhamdalah memuji Allah. Turut diseru agar dipasangkan semangat yang sama untuk qowam dan bertegas dalam menolak kutukan golongan kafir yang membenci cara hidup Islam yang sebenar.

Dengan pencapaian memberangsangkan RPWP, AIP dan Wakaf Enterprise, kebanyakan warga sukarelawan yang telah banyak berkorban harta dan diri itu lulus pelbagai ujian dari Allah selama ini. Dengan itu selayaknya mereka zahirkan dengan penuh semangat lafaz tahlil dengan sebenar-benar iktikad nafi dan isbat terhadap Allah.

Ayah juga minta masing-masing zahirkan rasa syukur dan berhamdalah melalui lontaran suara takbir itu. Syukurilah dengan ikhlas segala rahmat berupa petunjuk, taufik dan hidayah yang diberikan Allah. Hanya petunjuk Allah itu yang memungkinkan WP mampu mengislahkan warga dan anak-anak jagaannya. Tanpa petunjuk yang tepat dan berkesan dari Allah, kami juga akan gagal dan teraba-raba.

Untuk memberikan contoh nada tinggi kepada yang lain, maka ayah telah rakamkan contoh nada itu dan dimainkan di audio sistem RPWP sehari lebih awal supaya kami boleh ikuti dan melatih diri.

Malangnya ada sesuatu yang melucukan telah berlaku. Di kalangan Murobbi hanya beberapa orang sahaja yang mampu bawa nada tinggi. Seorang daripadanya diberi peluang untuk menyampaikan takbir dengan nada tinggi sebelum Ayahanda. Rupanya nada beliau lebih tinggi dari apa yang Ayah harapkan. Lebih malang lagi ayahanda sudah terpengaruh dengan nada itu. Maka, berhempas pulaslah beliau mempertahankan suaranya dengan nada yang 'terlajak tinggi' itu.

Apapun, kami benar-benar dapat rasakan aura seruan yang dizahirkan melalui takbir raya ayahanda kali ini. Sama-samalah kita hayati.

Tidak perlu minta izin untuk share selagi mana ianya untuk tujuan dakwah dan tidak dijadikan fitnah. Demikian juga dengan takbir yang begitu syahdu dari anakanda Hayat (10 tahun) yang kami upload malam tadi.

Salam Syawal, Salam Aidilfitri. Maaf Zahir Batin (sama makna dengan lafaz baru 'kosong kosong')

Tapi maaflah, pendapat kami lafaz maaf begini ini hanya sekadar lafaz adat di kad raya untuk kita nampak berbudi bahasa sahaja semasa buat ucapan raya. Tiada maknanya sedikit pun selagi kita tidak nyatakan satu persatu salah dan dosa kita dengan rendah hati, sungguh-sungguh serta penuh insaf untuk tidak mengulanginya.

Biar siapapun kita, mari ambil sempena Syawal dan Aidilfitri. Mari kembalikan fitrah manusia, fitrah hamba di tempatnya semula, sesuai dengan kehendak Allah, Pencipta kita.

WARGA PRIHATIN

---

## **MUSAFIR DI AIDILFITRI – RINTIHAN SI YATIM PIATU**

MUSAFIR DI AIDILFITRI – RINTIHAN SI YATIM PIATU

Semakin Aidilfitri mendekat, suasana semakin meriah dan ceria bagi kebanyakan dari kita. Namun tidak begitu perasaannya bagi anak-anak yatim piatu. Semakin hari raya mendekat, semakin anak-anak lain merasa gembira dapat bersuka ria bersama keluarga, perasaan mereka jadi semakin pilu dan hiba.

Video lagu raya ini adalah cetusan nurani sepasang anak yatim

piatu yang diabadikan dalam lagu. Footage visualnya diadun dari iklan raya yang biasa kita tonton.

Kami minta maaf jika ada yang sensitif lalu menangis semasa menonton video ini. Terutama anak-anak yatim atau ibu tunggal yang melayani anak-anak yatim di luar sana. Kami sudah 10 tahun menghadapi situasi sebegini. Saban tahun terpaksa bergilir untuk tidak pulang beraya agar dapat bersama mereka yang tidak lagi berkeluarga.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini kami terpaksa agih-agihkan anak-anak ini untuk ikut para ibu bapa angkat dari kalangan murobbi RPWP agar mereka juga dapat turut merasakan suasana 'balik kampung'. Lagipun sebahagian daripada kami masih punya ibu bapa yang juga perlukan santunan dari kami anak-anak mereka.

Sebahagian kami memang agak tegas terhadap anak-anak RPWP secara zahirnya. Kami rawat sakit mereka, kami didik dan 'ajar' mereka seperti anak sendiri. Kami bertempat tinggal dan berkelana bersama mereka. Tinggal di rumah yang sama, makan makanan yang sama, pakaian jenis yang sama dan bermusafir dengan kenderaan yang sama dengan mereka.

Sebenarnya kami hanya nampak tegas dihadapan mereka. Hakikatnya di belakang anak-anak ini hati kami tidak sekuat itu. Yang garang dan tegas itulah yang lebih sensitif serta mudah tertumpah air mata bila mengenangkan nasib anak-anak syurga ini.

Setiap kali raya kami akan berhimpun meraikan mereka terlebih dahulu. Sehari dua sebelum raya kami membuat persiapan raya dan memantai bersama mereka. Yang diizinkan pulang kampung pun hanya akan bertolak malam raya selepas majlis takbir, silaturrahim dan bersalam-salaman di malam raya.

Walaupun sepanjang tahun kami pujuk hati mereka agar kuat, namun setahun sekali kami terpaksa izinkan mereka 'melayan' hati mengenangkan ibubapa yang telah tiada. Itu hak ibubapa

mereka untuk dikenang.

Kami cuma perkuatkan mereka dengan satu motivasi iaitu agar mereka mengenang ibubapa berserta azam dan usaha untuk membina akhlak anak yang soleh. Itu sahaja yang memberi 'makna' buat Allahyarham ibubapa mereka.

Sama-sama kita hayati lintasan hati anak-anak ini.

SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI. MAAF ZAHIR BATIN.

Warga Prihatin

<http://prihatin.net.my/wp-content/uploads/2015/08/MUSAFIR.mp4>

---

## **DOKUMENTARI KHAS RPWP – TAMAN SYURGA METROPOLITAN (TV9)**

DOKUMENTARI KHAS RPWP – TAMAN SYURGA METROPOLITAN (TV9)

Kami muatnaik dokumentari khas ini untuk tontonan pembaca yang tidak berkesempatan menonton siaran TV9 petang tadi.

Terima kasih kepada TV9, khususnya saudara Fedtri Yahya atas kreativiti dan usaha mengutip kisah di sebalik kehidupan RPWP, juga Akademi Insan Prihatin (AIP) dan rangkaian Wakaf Enterprise yang sempat beliau tinjau untuk dimuatkan penceritaannya dalam dokumentari ini.

Ramai juga personaliti murobbi dan anak-anak yang sempat mereka wawancara secara sepontan. Kini dapatlah anda lihat sarana dan mengenali beberapa individu di sebalik tabir

Sarcasteek (jenama Sarc), bengkel jahitan, bengkel percetakan t-shirt, galeri foto, SNAP, CS, Akademi Insan Prihatin (AIP) dan sebagainya.

Kita panjatkan syukur kepada Allah yang Maha Pemurah, Pemilik segala rahmat yang kita nikmati. Segala yang baik adalah dari petunjuk Allah. Yang buruk itu dari kelemahan dan kelalaian kami sendiri.

Alhamdulillah.

WARGA PRIHATIN

<http://prihatin.net.my/wp-content/uploads/2015/08/TV9.mp4>

---

## **RESTU**

RESTU

Ramadhan adalah bulan panas yang sarat dengan pelbagai isu hangat yang memanaskan jiwa. Kita benar-benar memerlukan air untuk jadi penawar dan penyejuk jiwa.

Buat penyejuk hati di bulan ramadhan ini, maka kami hadiahkan sebuah lagi nasyid nostalgia yang sudah tidak kedengaran untuk sama-sama kita hayati bait-bait nasihat di dalamnya.

Antara sunnah besar baginda Rasulullah SAW yang WAJIB kita amalkan ialah habit beristighfar, mengakui khilaf diri, segera memohon ampun dan kemaafan. Mesej ini turut disampaikan dalam nasyid lama yang kami muat-naik sebelum ini.

[https://www.facebook.com/wargaprihatin/videos/10153972114762786/?video\\_source=pages\\_finch\\_main\\_video](https://www.facebook.com/wargaprihatin/videos/10153972114762786/?video_source=pages_finch_main_video)

Inilah antara masalah paling besar pada masyarakat kita hari ini. Tidak mahu bermuhasabah diri dan sukar memohon ampun. Akhirnya kita terus terusan berada dalam noda dan dosa yang mengundang kemurkaan Allah dan manusia.

Ironinya, sikap sukar memohon ampun ini juga dilengkapi dengan sifat SUKAR MEMAAFKAN pihak lain. Maka jadilah kita golongan yang berpenyakit hati, sentiasa dalam keadaan menyumpah seranah pihak lain. Padahal pada masa yang sama kita juga dirumpah seranah oleh Allah dan manusia kerana tidak mahu memohon ampun dan meminta maaf.

Ini adalah antara nasyid lama yang menjadi lagu rasmi anak-anak RPWP. Ia amat menyejukkan hati dan mampu mendidik jiwa.

Semuga bermanfaat.

Selamat berbuka,  
WARGA PRIHATIN

<http://prihatin.net.my/wp-content/uploads/2015/08/Restu.mp4>

---

## AMPUNI KAMI

### AMPUNI KAMI

Ramadhan adalah bulan panas yang sarat dengan pelbagai isu hangat yang memanaskan jiwa. Kita benar-benar memerlukan air untuk jadi penawar dan penyejuk jiwa.

Buat penyejuk hati di bulan ramadhan ini, maka kami hadiahkan sebuah lagi nasyid nostalgia yang sudah tidak kedengaran untuk sama-sama kita hayati bait-bait nasihat di dalamnya.

Antara sunnah besar baginda Rasulullah SAW yang WAJIB kita amalkan ialah habit beristighfar, mengakui khilaf diri, segera memohon ampun dan kemaafan. Mesej ini turut disampaikan dalam nasyid lama yang akan kami muat-naik selepas ini.

Inilah antara masalah paling besar pada masyarakat kita hari ini. Tidak mahu bermuhasabah diri dan sukar memohon ampun. Akhirnya kita terus terusan berada dalam noda dan dosa yang mengundang kemurkaan Allah dan manusia.

Ironinya, sikap sukar memohon ampun ini juga dilengkapi dengan sifat SUKAR MEMAAFKAN pihak lain. Maka jadilah kita golongan yang berpenyakit hati, sentiasa dalam keadaan menyumpah seranah pihak lain. Padahal pada masa yang sama kita juga dirumpah seranah oleh Allah dan manusia kerana tidak mahu memohon ampun dan meminta maaf.

Ini adalah antara nasyid lama yang menjadi lagu rasmi anak-anak RPWP. Ia amat menyejukkan hati dan mampu mendidik jiwa.

Semuga bermanfaat.

Selamat berbuka,  
WARGA PRIHATIN

[http://prihatin.net.my/wp-content/uploads/2015/08/11168144\\_10153972193317786\\_1533501102\\_n.mp4](http://prihatin.net.my/wp-content/uploads/2015/08/11168144_10153972193317786_1533501102_n.mp4)

---

**BELI TANAH PERSENDIRIAN BINA**

# RUMAH MANGSA BANJIR

KOTA BAHARU, 16 Jun (Bernama) – Kerajaan Persekutuan sedang mengenal pasti beberapa tanah milik individu di Kelantan untuk dibeli dan dijadikan tapak pembinaan rumah kekal mangsa banjir di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Bersama Banjir Negeri Kelantan Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata setakat ini pihaknya telah mengenal pasti tanah milik individu seluas 2.4 hektar di Pria, Manjor (2.8 hektar), Kemubu (3.6 hektar) dan Dabong (3.6 hektar), yang kesemuanya dalam jajahan Kuala Krai.

“Kita minta bantuan kerajaan Negeri dari segi ubah syarat tanah dan proses dokumentasi lain yang berkaitan dengan pembelian tanah berkenaan supaya rumah kekal untuk mangsa banjir dapat dibina segera,” katanya kepada pemberita di sini, Selasa.

Mustapa yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata Kerajaan Persekutuan memutuskan untuk membeli tanah milik individu kerana tanah yang disediakan oleh kerajaan negeri tidak mencukupi atau tidak sesuai bagi pembinaan rumah untuk mangsa banjir.

Katanya sejumlah 1,827 rumah musnah akibat banjir di Kelantan pada Disember tahun lepas.

Bagi tapak rumah seluas 12 hektar yang telah disediakan oleh kerajaan negeri seperti di Telekong, Kuala Krai, beliau berkata Kerajaan Persekutuan akan menyediakan kos bagi pembinaan rumah kekal serta infrastruktur lain seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik.

\* \* \* \* \*

TERIMA KASIH TOK PA DAN KERAJAAN PERSEKUTUAN.

WALAUPUN ISU PEMBELIAN TANAH PERSENDIRIAN INI SUDAH DIWAR-



WARKAN SEKIAN LAMA DAN IA MASIH DIULANGI LAGI DENGAN KATA-KATA "AKAN DAN BERCADANG", KAMI BERHARAP AGAR KALI INI IANYA DAPAT BENAR-BENAR DISEGERAKAN.

LETAKLAH DIRI KITA DI TEMPAT MANGSA BANJIR YANG MASIH BERGELANDANGAN DAN KESENGSARAAN. USAHAKANLAH DENGAN SEGERA SEHINGGA BENAR-BENAR DAPAT MEREKA RASAKAN SEGERA HASIL USAHA KITA ITU. BARULAH NANTI DAPAT KITA RASAKAN NILAI KEIKHLASAN DARI AMAL BAKTI KITA UNTUK MEREKA

JUMLAH 17 UNIT YANG BARU SIAP SELEPAS 6 BULAN BANJIR BERLALU JELAS MENAMPAKKAN PENGURUSAN BANTUAN KITA YANG TERLALU LAMBAT DAN TERHEGEH-HEGEH. BERIBU-RIBU LAGI MANGSA BANJIR YANG MASIH MENUNGGU BANTUAN ITU. KELEWATAN INI TIDAK SEHARUSNYA BERLAKU DI MALAYSIA YANG KATANYA MENUJU NEGARA MAJU.

TIDAK PERLULAH DIRIKAN RUMAH YANG TERLALU CANGGIH. CUKUPLAH DENGAN RUMAH SEPARUH BATU DAN SEPARUH KAYU AGAR CEPAT SERTA MURAH PEMBINAANNYA DAN LEBIH RAMAI DAPAT SEGERA MEMILIKINYA. MANFAATKAN SUMBER KAYU DARI PEMBALAKAN YANG TELAH TURUT MENYEBABKAN BANJIR LUMPUR ITU.

KAMI DOAKAN TOK PA DAN KERAJAAN NEGERI BERJAYA MENYEMPURNAKANNYA DENGAN KADAR SEGERA. AMBIL PELAJARAN DARI APA YANG DIRANCANG OLEH DAP DAN USWAH MEREKA DALAM "BERSEGERA". BIARLAH ORANG KATA KITA MENIRU TIDAK APA.

TERAKHIR KAMI BERDOA AGAR DIBUANG JAUH-JAUH SEGALA SENGKETA. KEMBALIKANLAH ROYALTI MINYAK KEPADA RAKYAT KELANTAN AGAR MEREKA TIDAK LAGI PERLU MENGAGIH-AGIHKAN TANAH SESUKA HATI UNTUK DIGONDOLKAN MELALUI PEMBALAKAN DAN MEMBUKA LADANG.

AMBILLAH PELAJARAN DARI PENGALAMAN LALU. JADIKAN KRISIS LAMA SEBAGAI PELAJARAN YANG MEMANDAIKAN DAN MENGUATKAN KESATUAN KITA.

WARGA PRIHATIN

---

# PEMBALAKAN & PERLADANGAN 'HARAM' YANG MEMBUNUH MARHAEN

PEMBALAKAN & PERLADANGAN HARAM YANG MEMBUNUH MARHAEN  
(Sila KLIK link TAJUK jika teks tidak keluar semua)

Perjalanan kami ke Dabong dalam misi bantuan Harakah Ramadhan untuk mangsa banjir melalui dua laluan yang berpecah selepas dari Gua Musang. Kenderaan ringan melalui Jelawang dan kenderaan berat seperti bas dan lori pula melalui Sungai Sam.

Sekitar 200 orang dalam rombongan yang berkampung 4 hari di Desa Takwa Kampung Kande kali ini dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk tugas masing-masing. Ada yang ditugaskan ke Dabong, Kemubu, Manik Urai, Pahi, Lata Rek dan sebahagian lagi meninjau beberapa kawasan melalui jalan ke Jeli.

Artikel ini ditulis untuk menyampaikan mesej pilu menyentuh tentang kerosakan mukabumi yang menyebabkan banjir lumpur hujung tahun lalu. Ini kali ke 3 kami berkampung di kawasan yang dilanda banjir dan rumusan ini terpaksa kami kongsi untuk renungan semua pihak yang terlibat.

Isu kali ini menyentuh tentang pembalakan dan perladangan "HARAM" walaupun ianya telah di"HALAL"kan di atas kertas oleh yang ampunya kuasa. Anak-anak ambil inisiatif menghitung jumlah lori balak 'muatan penuh' yang berselisih dengan konvoi kami sepanjang 2 kali perjalanan kurang 1 jam dari Dabong ke Manik Urai.

Kali pertama kami bertembung dengan 74 buah lori dan 19 buah yang parking di satu lokasi di tepi jalan. Keesokannya pula bertembung sebanyak 82 lori dan 34 lagi yang sedang parking.

Lihatlah gambar yang dipaparkan betapa kayu berukuran-lilit sebesar 2 jengkal pun disapu juga.

Di kiri kanan jalan sepanjang perjalanan dari arah mana sahaja, mata kita disogokkan dengan kerakusan kerja menggondolkan deretan bukit dan banjaran tanpa berkira-kira. Seolah-olah tiada esok lagi. Tidak peliklah mengapa apabila hujan turun sedikit sahajapun, semua tanah-tanah yang terdedah itu dihakis menjadi lumpur dan mengalir ke sungai.

Tanah runtuh juga terlalu banyak terjadi kerana bumi tidak lagi stabil selepas semua balak dan anak pokok diambil. Rerumput atau kekacang tutup bumi tentunya tidak mampu menahan hakisan yang dahsyat ini.

#### RAKYAT MISKIN KELANTAN MEMBAYAR KEMEWAHAN PIHAK KAPITALIS

Kami sengaja bawa anak-anak meronda kampung di subuh hari untuk melihat sendiri kesusahan hidup penduduk yang menoreh getah.

Sempat juga anak-anak mewawancara pak cik dan mak cik yang sedang menoreh. Tahulah mereka bahawasanya masih ada lagi insan yang berpendapatan serendah RM200 – 500 sebulan di bumi Malaysia ini. Walaupun kononnya kita istiharkan RM4000 sebagai paras kemiskinan negara, pendapatan mereka hanya 10% dari paras itu.

Jika ada yang tidak percaya nanti boleh kami editkan rakaman videonya.

Mangsa banjir dan rakyat miskin yang terkais-kais masih hidup sengsara selepas 6 bulan banjir besar berlalu. Sewaktu banjir dahulu kerajaan ada buat kenyataan bahawa aktiviti pembalakan dan penerokaan tanah akan 'dihentikan serta merta'. Mungkin lesen pembalakan dan geran perladangan itu SAH dari segi undang-undang, tetapi ia sangat HARAM dari segi akhlaknya.

Siapakah yang macam HARAM itu? Yang meluluskan kah? Yang

menguatkuasakan kah? atau penyangak kapitalis yang membogelkan banjaran itu?

Tidak sanggup lagi untuk 'bersangka baik' ketika melihat bukti kukuh bahawa penerokaan hutan secara membabi buta itu adalah penyebab kepada banjir besar di Kelantan tahun lalu. HANYA bahasa putarbelit politik atau golongan munafik sahaja yang mampu menafikannya.

Usahawan DAP telah mengakui menjadi kapitalis yang mengaut hazanah negeri serambi Mekah ini. Walaupun ada logiknya, namun ADUN DAP Perak, Nga Kor Ming menafikan tohmahan yang beliau dikatakan terlibat menerima ribuan hektar tanah pembalakan dan kemudian dijadikan ladang pertanian sebagai tukaran agar jawatan MB Perak diserahkan kepada PAS melalui Datuk Seri Nizar Jamaluddin.

Kasih rakyat miskin yang terpaksa membayar kerakusan ini dengan penderitaan yang berpanjangan. Padahal mereka tidak tahu apa-apa. Sungguh percaturan politik ini telah menjerat kita. Hazanah negeri terlepas dan disamun ibarat habis madu sepah dibuang. Cita-cita politik telah menjadikan manusia hilang pertimbangan. Selagi boleh semuanya mahu segera di 'sapu', takut esok lusa hilang kuasa dan langsung tidak merasa.

Tidak syak lagi bahawa hubungan baik DAP dengan kerajaan Kelantan itu 'ada makna' di sebaliknya. Pemimpin kita tertipu dan kesengsaraan rakyat adalah taruhannya. Kami cuma sambungkan puzzle ini supaya ceritanya dilihat lebih logik.

Semasa banjir, semua jambatan konkrit dan besi yang kukuh juga tumbang. Ini kerana sampah dari penerokaan hutan termasuk balak hanyut telah tersangkut dan membentuk dinding yang menahan arus air dengan bersandarkan jambatan. Akibatnya hubungan terputus dan rakyat miskin tidak dapat menoreh. Khidmat keretapi yang amat mereka perlukan terhenti. Mereka kehilangan punca pendapatan dan harta benda.

Satu printscreen dalam album ini memberikan gambaran kiraan oleh ahli forestry. Pendapatan 'pembalak' sekitar RM150,000 seekar itu hanya dikenakan cukai RM300 sahaja. Itu tidak termasuk gejala mencuri-curi kayu dan kawasan. Berpuluh ribu RM nilai kayu diangkut oleh setiap lori balak saban hari. Mereka memenuhi dan merosakkan jalan yang juga digunakan oleh rakyat miskin.

Berbaloikah anugerah hutan yang diperkosa untuk balak dan tanah ladang sehingga mengakibatkan banjir lumpur ini bagi Si Miskin? Jika tidak, maka ini bermakna kita telah berdosa kerana menganiaya mereka...!!

#### ANTARA UJIAN ALLAH DAN KEDURJANAAN MANUSIA

Air banjir itu memang dari Allah, tetapi lumpur itu adalah hasil dari tangan manusia yang merosak ekosistem. Air yang Allah turunkan juga boleh diempang untuk kegunaan manusia, haiwan dan tumbuhan. Namun, air berlumpur yang melimpahi segala sungai memenuhi bandar dan kampung Si Miskin itu ialah bencana ciptaan kita sendiri.

Kami amat terkejut melihat landskap di sepanjang perjalanan dengan kerosakan yang serius ke atas muka buminya. Bukit bersambung bukit dan lembah bersambung lembah semuanya dibogel dan ditarah. Tiada lagi akar pokok yang memasak bumi. Bahkan sampai hari ini begitu banyak penerokaan baru yang tanahnya masih merah lagi.

Keadaan ini sama seperti foto Google yang diambil 2013 dahulu. Bermakna aktiviti ini berterusan dari dahulu sampai kini. (Sila rujuk beberapa gambar Google, 6 Jun 2013)

Melihat kepanasan melampau sekitar jam 4 petang hari itu (mencecah 45 darjah C), Abang Arif (mantan YB) meminta kami berhentikan kerja untuk pergi makan tengahari sambil menyejukkan badan di Gua Ikan. Kami keberatan awalnya kerana ada banyak lagi kerja yang perlu disiapkan walaupun panas, namun akhirnya akur dengan cadangan itu.

Alangkah terkejutnya kami melihat air anak sungai yang sebelum ini keluar dari legeh di dalam Gua Ikan yang mengalir jernih dan DINGIN itu kini hanya ada lumpur mendap dan aliran air keruh sahaja. Tempat yang dahulu dipenuhi pelancong, kini sepi dan dipenuhi lalang. Anak-anak kami menyusur lumpur dalam gua itu hingga ke hujung dan melapurkan bahawa bukit sebelah sana gua itu juga telah ditarah. Itu yang menyebabkan air jadi sekeruh itu. Untuk membasuh tangan pun 'tidak lalu'.

Demikian juga pedihnya hati melihat aliran sungai besar yang dahulunya dalam, kini bukan sahaja menjadi cetek, malah airnya amat keruh. Air Sungai Kelantan dan Pergau yang dahulu keruhnya hanya di muara, namun kini sudah keruh dari hulu lagi. Sudahlah bekalan air terputus-putus, sumber sungai pula bercampur lumpur dan tidak boleh diguna.

Sungguhpun ada banjaran yang telah gondol sebelum Disember 2014 dahulu telah dilitupi dengan sedikit kekacang tutup bumi, namun itu tidak mampu memegang struktur tanah dengan kuat. Tanah runtuh dan hakisan 'top soil' akan terus menerus berlaku apabila hujan turun. Lihatlah sendiri warna sungai-sungai di gambar terkini yang kami paparkan.

Yang sedihnya bukannya kerosakan itu dihentikan, malah bertambah pula jumlah banjaran dan deretan bukit-bukit gondol dari Gua Musang, Jelawang, Dabong, Sungai Sam sehingga ke Lata Rek. Entah ke mana akal dan peri kemanusiaan mereka ini?

## PEMBALAKAN DAN PENGURUSAN EKOLOGI HUTAN TERANCANG

Finland dan Sweden ialah 2 negara pengeluar balak putih antara yang terbesar di dunia. Namun sehingga kini kita masih lihat kecantikan negara itu pada aliran sungainya yang kekal jernih. Hutan-hutannya sentiasa ada dan tidak putus. Bezanya hanya samaada hutan itu hutan muda ataupun hutan tua sahaja.

Penggiliran blok penebangan mengikut umur pokok dan penanaman semula adalah jawapan bijak kepada industri itu. Mereka juga hanya menebang balak untuk saiz tertentu sahaja. Export balak

mereka tidak putus, namun hutan dan mukabumi mereka tetap terjaga.

Di Kelantan pula lain ceritanya. Balak sebesar 2 jengkal pun kami lihat turut diangkut. Mereka rakus memastikan kawasan itu digondol sebelum ada sesiapa cuba menghalangnya. Orang luar kenyang minum susu, orang kita makan batu.

Sudah sampai masanya semua yang terlibat dengan gejala ini bangkit dari lena. Hentikan kerakusan ini dengan segala kuasa yang ada. Sudahlah hazanah negeri disamun, maruah politik dihina, rakyat pula terbiar menderita.

## KESIMPULAN

Sungai yang dalam kini sudah menjadi cetek. Pembukaan tanah baru sudah semakin melebar. Yang telah dirosak tidak pula jadi semakin baik. Kini, hujan sedikit sahajapun air sungai sudah sekeruh itu membawa lumpur yang banyak. Oleh itu, jika separuh sahajapun dari hujan yang diterima tahun lalu menimpa Kelantan, kesannya kali ini mungkin sama dengan tahun lalu.

Hati kami sangat hiba melihat Si Yatim, Ibu Tunggal, Warga Emas yang bertarung nyawa menyiapkan semula tempat tinggal yang telah hilang. Ketika bergotongroyong membina rumah mereka, dalam hati berkata, "akan hilang lagikah rumah ini tahun ini?".

Sebenarnya banjir sudah menjadi pesta tahunan bagi rakyat Kelantan. Mereka sentiasa menjangkakannya. Tetapi tidak bagi banjir tahun lalu apabila aliran air membawa sekali jutaan tan tanah dan debris-debris bekas penerokaan hutan...

Sesungguhnya kawasan pembalakan itu terlampau besar untuk tidak dilihat oleh kerajaan pusat, kerajaan negeri, penguatkuasa, mahupun NGO-NGO pejuang pasca banjir untuk meratapi nasib penduduk yang bakal ditimpa bencana yang sama setiap tahun selepas ini. Mustahil juga penerokaan balak dan ladang seluas itu boleh berlaku, juga lori-lori yang khabarnya

ada 'lesen khas' dan sebtiasa terlebih muatan itu bebas bermaharajalela tanpa ada tangan-tangan ghaib di sebaliknya.

Kesal sekali dengan gelagat pemerintah dan ahli politik MELAYU dari dahulu sampai sekarang yang tidak bijak dengan menjual maruah dan hasil mahsul negeri/negara sendiri. Sama sahaja gelagatnya, baik pihak hijau, merah, biru dan jingga. Selagi ada kuasa dan peluang, semua mahu dilaba tanpa berkira-kira seperti esok sudah tiada.

Semuga ada pihak berkuasa yang membaca dan terbuka minda untuk saling nasihat menasihati. Berhentilah dari "Sindrom Penafian". Gantikan dengan habit muhasabah, beristighfar, memohon maaf dan membuat ISLAH. Itu sunnah Rasulullah SAW dan sunnah para Khalifah Ar-Rashidin.

Rakyat sudah terlalu kecewa. Tidak tahu samada mahu marah? mahu terus bersedih dan merintih? atau mahu bagaimana lagi?

Merasa berdosa dengan penganiayaan terhadap golongan miskin yang tidak tahu apa-apa. Kebanyakan mereka juga sudah mulai sedar akan sebab musabab banjir ini. Kepercayaan mereka pun semakin terhakis, baik terhadap kerajaan pusat mahupun negeri.

Kami bukan main politik. Oleh itu kami tidak berminat untuk memaparkan rakaman keluhan mereka terhadap kelemahan pemimpin kita yang hanya pandai 'berkata-kata'. Jika anda dengar keluhan mereka, pasti anda malu dan menundukkan muka...

WARGA PRIHATIN.

---



# **MISI SILATURRAHIM & PENGAGIHAN SEDEKAH RAMADHAN**

2 hari terakhir sebelum pulang, kami ziarahi seramai mungkin mangsa banjir di Dabong, Lata Rek, Manik Urai dan Pahi yang mana tidak sempat kami bantu baikpulih rumah-rumah mereka.

Team ziarah pertama hanya dianggotai oleh sekumpulan 4 buah MPV untuk memudahkan perjalanan menyusur jalan yang sempit.

Dalam perjalanan pulang, kami bawa pula anak-anak bersama seluruh warga konvoi melalui jalan utama yang boleh dilalui bas dan lori bagi meninjau perkembangan semasa sebelum meninggalkan Kelantan pulang ke Kajang.

Apabila keadaan mengizinkan, kami izinkan anak-anak singgah dan bertemu mangsa yang telah kami ziarahi sehari sebelumnya untuk bermesra dengan mangsa banjir, khususnya dari kalangan warga emas dan anak yatim. Di mana ada kesempatan kami minta anak-anak berselawat dan membacakan doa untuk mereka.

Tujuan utama silatulahim ini ialah untuk menyuntik semangat mereka melalui pertalian persaudaraan. Doa yang dibacakan oleh anak-anak jelas menyentuh hati dan mampu menyuntik semangat buat mereka.

Sebagai tanda hati, kami juga agihkan bantuan barangan yang kami bawa serta sumbangan tunai yang terkumpul antara RM500 ke RM1,000 bagi setiap keluarga yang masih duduk di rumah sementara atau kemah kerana rumah sendiri masih belum dibaiki lagi.

Tambahan antara RM300-500 lagi kami agihkan khas bagi yang sedang sakit atau memerlukan biaya tambahan untuk membeli atap, khususnya di Lata Rek.

**KEJUJURAN MANGSA BANJIR YANG LUAR BIASA**

Memang banyak rungutan dari NGO, juga dari pemimpin dan penduduk setempat yang mengatakan sikap tamak dan mementingkan diri sendiri setengah mangsa banjir. Ramai juga kalangan bukan mangsa banjir yang menyamar dan mengambil kesempatan mengaut laba dari sumbangan orang ramai sehingga timbul pergaduhan di kalangan mangsa banjir dengan 'mereka' yang tidak berakhlak dan menangguk di air keruh ini.

Namun apa yang kami perhatikan kelmarin amat menyentuh hati. Ada mangsa yang pernah kami ziarahi sebelum ini tidak mahu menerima sumbangan tambahan. Ada yang malah dengan sengaja mencari kami yang berhenti di Sekolah setelah mendapat maklumat, semata-mata untuk menghulurkan sedekah pula. "Doa anak-anak sebelum ini sentiasa terngiang-ngiang di telinga dan rezeki beliau murah selepas itu", katanya.

Seorang ibu tiba-tiba meluahkan rasa syukur kerana doanya termakbul untuk bertembung dengan rombongan RPWP selepas bertembung buat kali pertama sewaktu misi bantuan banjir Januari lalu. Beliau menyimpan hajat untuk bersedekah jika bertemu lagi dan kebetulan ia berlaku kali ini ketika rombongan berhenti solat di Masjid Gua Musang.

Amat terharu sekali apabila kami dapati warga emas yang kami serahkan wang buat membeli atap petang sebelumnya telah pun memesan atap tatkala kami lawati lagi keesokannya.

Benarlah mereka dalam keadaan terdesak. Tinggal di pondok kecil yang mereka panggil 'gok ayam' atas bukit bersama isteri kerana tidak mampu membeli atap rumah asal mereka yang dihanyutkan air.

Kami tambahkan sumbangan tunai untuk membeli atap kerana amat tersentuh sekali apabila ditanya kenapa sudah 6 bulan Pok Su masih tak balik rumah lagi? dia tunjukkan bumbung rumah yang sudah lesap lalu berkata tak mampu nak beli atap.

Bila ditanya tidak ada ke wakil kampung atau pihak berwajib yang menawarkan bantuan? beliau kata mungkin ada tapi belum

sampai giliran untuk dia lagi agaknya...

Beliau tidak tahu yang kami akan datang semula keesokannya kerana itu tiada dalam perancangan kami. Tetapi dua buah rumah yang kami berikan dana tambahan untuk membeli zing telah memesannya sepantas itu. Itulah tanda mereka sebenarnya amat memerlukan dana, bukan lagi selimut, dapur dan beras... "Subhanallah".

Melihat begitu ramainya jumlah yang masih hidup dalam sengsara, kami berazam untuk menziarahi mereka lagi sebelum syawal nanti untuk menyambung silaturahmi dan menghulurkan sedikit sebanyak lagi bantuan harakah ramadhan ini.

Sama-sama kita berdoa agar mereka tabah dan mampu mengatasi segala kesukaran hidup ATAS UJIAN ini.

WARGA PRIHATIN